

07 OCT 2000

Abdullah-Ihsan

TPM JAMIN WANG IHSAN DIGUNA UNTUK PEMBANGUNAN TERENGGANU

SETIU, 7 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini memberi jaminan bahawa pemberian wang ihsan kepada Terengganu akan digunakan untuk perbelanjaan bagi projek-projek pembangunan rakyat dan negeri itu.

"Yang penting ialah kita akan gunakan wang itu untuk projek-projek pembangunan rakyat dan negeri...jadi rakyat tak perlu bimbang," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri di sini.

Timbalan Perdana Menteri berkata perancangan tentang bagaimana wang itu akan digunakan dibuat oleh Jawatankuasa Peringkat Pusat yang ditubuhkan khusus untuk mengendalikan pemberian wang ihsan itu.

Pada 5 Sept lepas, Kementerian Kewangan mengumumkan keputusan kerajaan pusat untuk menyalurkan wang itu dalam bentuk projek-projek pembangunan untuk manfaat rakyat dan tidak kepada kerajaan negeri.

Abdullah berkata dengan kaedah pemberian wang ihsan itu, rakyat Terengganu yang mengharapakan pembangunan tidak perlu bimbang kerana projek-projek pembangunan akan tetap dijalankan di negeri itu.

Ketika ditanya mengenai jumlah pemberian wang ihsan itu, beliau berkata Terengganu akan mendapat jumlah yang sama dengan apa yang diterima semasa bayaran itu dikatakan sebagai royalti dan dibayar kepada kerajaan negeri dalam bentuk tunai.

"Yang dipanggil royalti itu adalah wang ihsan...yang mana kita nak belanja di sini kita belanjalah di sini," katanya.

Beliau berkata pemberian wang ihsan itu akan dibuat setelah JPP meneliti secara terperinci mengenai kaedah pembayarannya dan ia mungkin dilakukan tahun ini.

"Saya tak ada maklumat terperinci, yang saya tahu jawatankuasa itu telah mula kerja dan apa yang mereka putuskan nanti InsyaAllah saya akan tahu," katanya.

Mengenai keengganan kerajaan Pas Terengganu mengiktiraf Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung di negeri itu, Abdullah berkata tindakan itu adalah satu helah kerana Pas tidak mahu rakyat memberikan kerjasama kepada JKKK untuk menjayakan program-program pembangunan.

"Saya dengar ada juga yang kata JKKK ni haram, saya tak tahulah haram macam mana," katanya.

Kerajaan Pas Terengganu membubarkan JKKK dan menggantikannya dengan Jawatankuasa Syura Rakyat (JSR) dan kerajaan negeri juga tidak mengiktiraf JKKK yang ditubuhkan semula oleh Umno negeri.

Abdullah berkata perkhidmatan JKKK yang diteruskan itu adalah sebagai jentera bagi Pejabat Pembangunan Negeri untuk melaksanakan program-program di Terengganu.

Ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini mengenai kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu bekerja keras memastikan Umno mendapat sokong kuat generasi muda, Abdullah berkata kepimpinan Perdana Menteri masih lagi diperlukan untuk memastikan negara terus kukuh dan membangun.

Beliau berkata Dr Mahathir telah bekerja keras untuk membangunkan negara dan bangsa dan mahu melihat Umno menjadi kuat serta mendapat sokongan padu daripada generasi muda sebelum beliau melepaskan jawatan kepada penggantinya.

-- BERNAMA

SN MAI